



SURAT PEMBERITAHUAN

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN 12/2022**

**PERMOHONAN CUTI YANG MEMERLUKAN KEBENARAN KELUAR NEGERI
DALAM FASA ENDEMIK COVID-19**

Dengan hormat merujuk kepada peraturan-peraturan berikut:

- I. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3/2022 mengenai 'Penyelarasan Tadbir Urus Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam Dalam Fasa Endemik COVID-19' yang mula berkuatkuasa pada 25 April 2022.
 - II. Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam Bilangan 11/2020 mengenai 'Permohonan Cuti-Cuti Yang Memerlukan Kebenaran Keluar Negeri' yang berkuatkuasa pada 16 Mac 2020.
2. Sehubungan dengan itu, sukacita memaklumkan bahawa proses dan tatacara permohonan cuti yang memerlukan kebenaran keluar negeri dalam fasa endemik COVID-19 hendaklah diselaraskan dengan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 3/2022.
3. Oleh itu, warga perkhidmatan awam yang memohon cuti dan seterusnya keluar negeri, hendaklah mendapat kebenaran keluar negeri daripada Ketua Jabatan / Setiausaha Tetap sebelum bercuti keluar negeri. Bagi pegawai dan kakitangan yang gagal mendapatkan kebenaran keluar negeri dan seterusnya bercuti keluar negeri tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan 9 daripada Peraturan-Peraturan Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (General Order). Memandangkan tegahan keluar negeri tidak lagi berkuatkuasa, kebenaran keluar negeri daripada Jabatan Perdana Menteri tidak perlu dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

4. Pembatalan Surat Pemberitahuan

Dengan berkuatkuasanya Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 3/2022, Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan: 11/2020 mengenai permohonan cuti-cuti yang memerlukan kebenaran keluar negeri adalah dengan ini **dibatalkan** mulai **25 April 2022**.

5. Pelaksanaan Cuti Tidak Bergaji (CTG)

Bagi permohonan CTG (atas urusan peribadi) yang memerlukan kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yangmana tarikh cuti bermula di antara 16 Mac 2020 hingga 24 April 2022, kebenaran keluar negeri daripada Jabatan Perdana Menteri adalah diperlukan selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa pada masa itu. Manakala, bagi permohonan CTG (atas urusan peribadi) yangmana tarikh cuti bermula daripada 25 April 2022, kebenaran keluar negeri daripada Jabatan Perdana Menteri tidak perlu dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

6. Ketua-Ketua Jabatan/ Setiausaha-Setiausaha Tetap hendaklah memastikan bahawa setiap pegawai dan kakitangan yang bercuti mematuhi peraturan-peraturan Kerajaan selaras dengan Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (General Order). Oleh itu, setiap pegawai dan kakitangan dikehendaki mematuhi syarat-syarat cuti dan peraturan-peraturan fasa endemik COVID-19 sepertimana yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 03/2022 mengenai 'Penyelarasan Tadbir Urus dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam Dalam Fasa Endemik COVID-19'.

No



7. Ketua-Ketua Jabatan / Setiausaha-Setiausaha Tetap adalah dipertanggungjawabkan bagi setiap pegawai dan kakitangan yang bercuti keluar negeri memenuhi syarat-syarat cuti termasuk keperluan **mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan dan permohonan tempoh cuti hendaklah termasuk tempoh pengasingan diri** bagi urusan-urusan peribadi.

8. Bagi permohonan CTG yang memerlukan kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (sepertimana dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 4/1998 mengenai Peraturan dan Syarat-Syarat Cuti Tidak Bergaji dan Cuti Pendahuluan), Ketua Jabatan/Setiausaha Tetap hendaklah memastikan pegawai dan kakitangan mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan disepanjang tempoh CTG (atas urusan peribadi). **Tempoh permohonan CTG (atas urusan peribadi) dan sokongan Ketua Jabatan/Setiausaha Tetap hendaklah mengambilkira tarikh pengasingan diri sebelum dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan selanjutnya.**

Sekian disampaikan untuk makluman mengenainya.

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Mengekalkan Keamanan dengan Iman dan Taqwa"

(DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN)

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh: 22 Syawal 1443H
23 Mei 2022M

Rujukan: JPA/04/03/2/01